

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan bentuk inisiatif Kementerian dalam menggalakkan perkembangan industri hiliran berjangka pendek bagi membantu para pekebun kecil getah dan kelapa sawit untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam situasi yang bukan dalam kawalan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan prihatin dengan kebajikan pekebun kecil dalam mendepani pelbagai situasi yang menjejaskan kelangsungan hidup mereka. Sehubungan itu, pihak Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang melibatkan pelbagai Kementerian (*cross ministry*) termasuk Kementerian Industri Utama (MPI) dalam usaha meningkatkan industri hiliran bagi meringankan beban pekebun kecil.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sangat menggalakkan pekebun kecil sawit menjalankan aktiviti integrasi tanaman atau ternakan bagi menjana pendapatan sampingan. Pelbagai jenis tanaman bernilai yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran tempatan telah dikenal pasti seperti pisang berangan, pisang tanduk, kacang tanah, nenas, tebu kuning, keledak, padi huma, tembikai, jagung manis, betik, sayur-sayuran dan lain-lain. Tanaman selingan yang boleh membuahkan hasil dalam masa yang singkat adalah

sesuai untuk ditanam di ruang-ruang yang kosong antara barisan sawit muda yang berusia 1 hingga 3 tahun. Strategi penggunaan tanah secara maksimum ini dapat menjana pendapatan awal yang lumayan kepada pekebun kecil jika dilaksanakan secara sistematik.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga telah membangunkan sistem tanaman sawit baharu yang dikenali sebagai sistem tanaman sawit dua baris kembar yang dapat meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang untuk pelaksanaan integrasi tanaman dengan sawit. Menggunakan sistem ini, integrasi tanaman boleh dilaksanakan untuk jangka masa pendek dan panjang tanpa mengikut usia tanaman sawit.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tanaman getah pula boleh diintegrasikan dengan pelbagai jenis tanaman sama ada jangka pendek, sederhana dan panjang bergantung kepada sistem tanaman yang diguna pakai bagi tanaman getah konvensional, tanaman pepagar (*hedge planting*) atau tanaman perimeter. Bagi jangka pendek, tanpa melihat kepada sistem penanaman, antara tanaman integrasi yang digalakkan adalah pisang, betik dan nenas. Tanaman pokok salak pula lebih sesuai untuk tanaman jangka sederhana. Bagi sistem tanaman getah pepagar pula, integrasi tanaman seperti durian, belimbing besi, durian belanda dan cempedak boleh dilaksanakan. Selain itu, integrasi ternakan seperti lebah dan kelulut juga berpotensi untuk diusahakan.

Lembaga Getah Malaysia (LGM) turut memperkenalkan sistem tanaman perimeter iaitu kaedah penanaman pokok getah di perimeter sempadan tanah kebun. Melalui kaedah ini, keluasan tanah yang boleh digunakan untuk aktiviti ternakan dan tanaman adalah antara 60 hingga 80 peratus. Buat masa ini, LGM mempunyai plot contoh tanaman getah dan nenas di *Rubber Research Institute of Malaysia Mini Station (RRIMINIS)* di Lakai, Jelevu, Negeri Sembilan.

Sekian terima kasih.